



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERSIDANGAN HARI KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS
KHAMIS, 14 NOVEMBER 2024
JAM 9.00 PAGI

1. Bacaan Doa.
2. Pemasyhuran Daripada Tuan Speaker.
3. Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan-jawapan Lisan.

126. YB DATO MOHD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

- (i) Adakah SESCO memberi gantirugi bagi kerosakan peralatan elektrik akibat insiden terputus bekalan elektrik dan apakah prosedur bagi pengguna menuntut ganti rugi?
- (ii) Jika pihak SESCO pernah menerima permohonan gantirugi, mohon beri data berkaitan setakat 30 Oktober 2024.

127. YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)

To ask the Minister for Public Health, Housing and Local Government

Whether the Government has any concrete plan to close the MDSA Waste Dumping Site at Entulang, Sri Aman and identify a new alternative site for waste disposal as the current dumping site is not able to accommodate the increase in both domestic/industrial waste.

128. YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)

Bertanya kepada Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan

Bagaimana perkembangan baikpulih dua perkara utama ini yang telah dijanjikan dahulu iaitu:-

- (i) Stadium Tertutup Kapit
- (ii) Kolam Renang Kapit

129. YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah status terkini perancangan bagi membina Kompleks Pentadbiran Kerajaan Sarawak di Daro?

130. YB ENCIK KENNEDY CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat

Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan dan menempatkan institusi pengajian tinggi atau TVET berkaitan industri tenaga hijau, khususnya tenaga hidroelektrik, di Bakun dan Murum?

131. YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan jelas dalam pembangunan ternakan ruminan di Sarawak, contohnya seperti 'blue print' dalam merancakkan lagi industri ini untuk memenuhi keperluan permintaan daging tempatan?

132. YB ENCIK YAP YAU SIN (N.12 KOTA SENTOSA)

To ask the Minister for International Trade, Industry and Investment

What are the incentive packages and frameworks (if any) in Sarawak for advanced technology foreign investments where investments are based on the ability to generate high income jobs, linkages to local business, sustainability features and support to strategic economic sectors?

133. YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Apakah status terkini bagi projek bekalan air ke kawasan Majau, Mam, Batu Luking, Poi dan Menalun yang telah dikemukakan di bawah Rolling Plan 5 (RP5) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) tahun 2025 yang kini sedang dalam proses pertimbangan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)?

134. YB ENCIK CHIENG JIN EK (N.51 BUKIT ASSEK)

To ask the Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts

Is there any future planning projects to promote Sibu as a tourists centre to attract both local and foreign tourists to Sibu Division?

135. YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN DURI (N.38 KALAKA)**Bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar**

Adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan bagi menempatkan bandar baru di seberang pekan Saratok dengan mengambil kira siapnya jambatan Sg. Krian dan naiktaraf jalan Bajau/Kupang yang mampu memberikan limpahan sosio ekonomi penduduk yang mendiami rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di Seberang pekan Saratok?

136. YB DATO FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)**Bertanya kepada Menteri Pengangkutan**

Apakah langkah-langkah atau undang-undang yang sedia ada yang dapat digunakan untuk memastikan lori-lori besar membawa tanah tidak melalui jalan-jalan yang menggugat keselamatan dan menyebabkan kerosakan kawasan-kawasan yang dilalui lori-lori tersebut?

137. YB ENCIK ROYSTON BIN VALENTINE (N.57 TELLIAN)**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti**

- (i) Bagaimanakah kerajaan Sarawak mengawasi serta mengawal aktiviti penyalahgunaan dadah dan judi online yang semakin merisaukan?
- (ii) Adakah terdapat undang-undang atau peraturan baru yang dirancang untuk menangani masalah ini di Sarawak?

138. YB ENCIK BARU BIAN (N.81 BA'KELALAN)**To ask Minister for Utility and Telecommunication**

The Sarawak Government had announced last year that it was targeting 600 4G telecommunication company (telco) towers through the Sarawak Linking Urban, Rural and Nation (Saluran) to be operational by the end of 2024. The towers in my area are not operational yet. When will they be made operational?

139. YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**To ask the Minister for Infrastructure and Port Development**

With the completion of Pasi/Tanjung Manis Bridge scheduled for first quarter of 2025, traffic volume for Pasi/Bintangor Road is expected to increase by folds. Does the Ministry have plans to widen the said road to address such eventuality?

140. YB ENCIK BILLY ANAK SUJANG (N.1 OPAR)**Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Tapak untuk pembinaan Klinik Biawak telahpun tersedia. Apakah klinik Biawak ini sudah dimasukkan dalam pelan pelaksanaan Kementerian dalam masa terdekat ini?

141. YB ENCIK NICHOLAS KUDI ANAK JANTAI (N.64 BALEH)**Bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar**

Apakah perancangan Kerajaan Sarawak untuk memindahkan penduduk di Long Singut ke kawasan penempatan baru yang lebih selamat memandangkan tempat kediaman sekarang dijangka banjir jika hujan berterusan pada musim tengkujuh jika projek Baleh HEP siap menjelang tahun 2028 nanti?

142. YB DATO PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Bilakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan Klinik Nanga Medamit yang sedia ada ke tapak baru yang berdekatan dengan Pekan Baru Nanga Medamit, Limbang?

143. YB ENCIK AZIZUL ANNUAR BIN PEHIN SRI HAJI ADENAN (N.3 TANJONG DATU)**Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi**

Adakah projek Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) dan Skim Pembekalan Elektrik Alternatif Luar Bandar Sarawak (SARES) akan diteruskan?

144. YB DATO DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)**To ask the Minister for Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development**

What is the total number of born child registered under the Endowment fund since inception till October 2024? What is the registration trend against childbirth in particular among very rural community?

145. YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

Apakah tindakan terhadap isu-isu berikut:

- (i) Pembinaan jejantas di belakang Sekolah Menengah Kerajaan Serian (Serian-by-pass) yang masih belum dilaksanakan?
- (ii) Pembinaan P-Turn baru di persimpangan Kpg. Rasau?
- (iii) Penilaian semula kawasan/tempat untuk meletak papan tanda, amaran dan sebagainya yang menghalang pandangan penggunaan jalan raya.

146. YB DATUK HAMZAH BIN HAJI BRAHIM (N.17 STAKAN)**Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Apakah langkah Kerajaan Negeri berkenaan isu kejadian banjir kilat di kawasan Batu 12 & 13 Jalan Kuching-Serian yang kerap kali berulang di kawasan tersebut?

147. YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**To ask the Minister for Natural Resources and Urban Development**

What are our key efforts for the protection and conservation of our primary forest ecosystem and how significant is it as a strategy in our Sarawak and national climate policies?

148. YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)**Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi**

Apakah status Permohonan Penyambungan Bekalan Grid Elektrik kepada Rumah Theresa anak Sedau (Ex TR Mickey) Batu 15 Jalan KJD, Sepaya Julau?

149. YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENGKILILI)**Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah**

Bilakah Projek SADA akan bermula untuk membina “mitigation work” bagi kawasan Kejemut Skrang Hilir dan “Rehabilitation Work” di Sg Ensurai, Btg Air Hilir Engkilili?

150. YB DATO SRI WONG SOON KOH (N.53 BAWANG ASSAN)**To ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development**

How and in what manner is the state government going to implement the intended policy of free tertiary education in the five state-owned institutions (IPTs) by 2026?

151. YB DATO IBRAHIM BIN BAKI (N.8 SATOK)**To ask the Minister for Youth, Sports and Entrepreneur Development**

What steps is the Government taking to further encourage Youth entrepreneurship and innovation, particularly in rural areas to stimulate economic activity and reduce migration to urban centres?

152. YB DATO FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)**Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi**

Apakah butiran status pelaksanaan dan penguatkuasaan Distribution of Gas Ordinance 2016 yang telah dipinda pada tahun 2023 dan apakah cabaran dalam pelaksanaannya?

153. YB DATO PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan kerja-kerja naiktaraf Jalan Simpang Sagan/Ulu Lubai? Jika ya, bilakah ianya dilaksanakan?

154. YB DATO IR. LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)**To ask the Minister for Transport**

What is the current status of the proposed Trans Borneo Railway Network?

155. YB ENCIK BILLY ANAK SUJANG (N.1 OPAR)**Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Apakah perkembangan dan status terkini Rumah Spektra Permata (RSP) di Batu 5, Jalan Bau Lundu yang telah dirasmikan perlaksanaannya pada 15 Februari 2020 yang lepas?

156. YB IR. CHRISTOPHER GIRA @ GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat**

- (i) Apakah kursus yang ditawarkan di universiti milik Kerajaan Sarawak yang akan dikecualikan yuran menjelang 2026?
- (ii) Mohon nyatakan berapakah bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah dimana jawatan guru besar dan pengetua belum diisi dan mengapakah kelewatan untuk mengisi jawatan tersebut?

157. YB ENCIK KENNEDY CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

- (i) Apakah perancangan kerajaan untuk mempercepatkan projek bekalan air terawat di kawasan pedalaman seperti di kawasan Ulu Linau, Metalun Tegulang, Long Urun, Ulu Sungai Belaga, Jelalong, dan Tubau dalam DUN Murum?
- (ii) Apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan kekerapan gangguan bekalan elektrik di BRS Sungai Asap?

158. YB ENCIK JOHNNY PANG LEONG MING (N.68 TANJONG BATU)

To ask the Minister for Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development

Given the escalating drugs issues in Bintulu, including violent incidents and significant drug seizures, what comprehensive strategies are being implemented to tackle the drug problem and associated social issues like vagrancy to ensure public safety and social order?

159. YB ENCIK ADAM YII SIEW SANG (N.74 PUJUT)

To ask the Minister for Youth, Sports and Entrepreneur Development

With Sarawak set to co-host the 2027 SEA Games, I would like to inquire about the ministry plans to ensure Miri, as one of Sarawak's key cities, benefits from this significant international sporting event?

160. YB ENCIK FRIDAY ANAK BELIK (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

- (i) Apakah tindakan kementerian untuk menjadikan padi sebagai tanaman komersial?
- (ii) Adakah Sarawak sudah mencapai tahap self-sufficiency dari segi pengeluaran padi untuk kegunaan penduduk Sarawak sendiri pada ketika ini?
- (iii) Apakah bentuk insentif (jika ada) untuk menggalakkan petani menanam padi?

161. YB ENCIK AZIZUL ANNUAR BIN PEHIN SRI HAJI ADENAN (N.3 TANJONG DATU)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Sudahkah undang-undang Sarawak "Distribution of Gas Ordinance 2016 yang dipinda pada tahun 2023" dikuatkuasakan oleh Kerajaan Sarawak? Bagaimana kah pelantikan PETROS sebagai aggregator gas tunggal di Sarawak setakat ini?

162. YB ENCIK ANYI ANAK JANA (N.49 NGEMAH)**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat**

SMK Datuk Haji Abdul Rahman Yakub (SEDAYA), Kanowit telah berpindah ke tapak baharu pada tahun 2013. Keadaan semua bangunan lama telah pun terbiar dan dirosakkan. Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan bagi merobohkan tapak lama SMK SEDAYA, Kanowit?

163. YB ENCIK LIDAM ANAK ASSAN (N.62 KATIBAS)**To ask the Minister for Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development**

How much have been reduced and the steps have been taken by the Ministry to date to eradicate absolute and relative poverty in Song District?

164. YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENGKILLILI)**Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Adakah Kerajaan akan membina sebuah Balai Bomba di kawasan DUN N.33 Engkilili?

165. YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN DURI (N.38 KALAKA)**Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi**

Apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah permohonan projek ALAF belum mendapat kelulusan pihak MUT, permohonan projek bekalan air terawat di Kampung Perpat Hulu dan meningkatkan liputan internet dan telekomunikasi di dalam DUN N38 Saratok?

166. YB DATO DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

Adakah perancangan untuk mendaftar semua jalan pendalaman (bekas jalan balak) dari status jalan Kampung ke taraf Jalan Negeri dalam waktu terdekat ini?

167. YB ENCIK ROYSTON BIN VALENTINE (N.57 TELLIAN)**Bertanya Kepada Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar**

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Sarawak dalam membangunkan biofuel berasaskan alga dan bagaimana kerjasama antara sektor awam dan swasta dapat mempercepatkan pembangunan industri biofuel di Sarawak?

168. YB PUAN DAYANG NOORAZAH BTE AWANG SOHOR (N.28 LINGGA)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi menarik minat pelabur swasta untuk mengembangkan sektor pertanian khususnya padi di kawasan Daerah Lingga?

169. YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Adakah Substation Janakuasa elektrik tersendiri akan dibina bagi kawasan DUN N25 Simunjan untuk menangani isu elektrik yang seringkali berlaku di kawasan DUN N25 Simunjan?

170. YB ENCIK ADAM YII SIEW SANG (N.74 PUJUT)

To ask the Minister for Public Health, Housing and Local Government

Given the growing issue of waste management and the increasing environmental impact of plastic waste, particularly from single-use water bottles, would the Ministry consider introducing legislation that mandates suppliers or manufacturers to collect back used water bottles for recycling?

171. YB ENCIK CHIENG JIN EK (N.51 BUKIT ASSEK)

To ask the Minister for Infrastructure and Port Development

The progress work on the lately approved new link road from Aman roundabout to Jalan Tunku Abdul Rahman (Sibu Airport Road)? When will this project call for tender?

172. YB DR SIMON SINANG @ SINANG ANAK BADA (N.21 TEBEDU)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Masalah penyalahgunaan dadah dan judi atas talian secara berleluasa; Apakah tindakan kementerian untuk menangani masalah ini?

173. YB DATO SRI WONG SOON KOH (N.53 BAWANG ASSAN)

To ask Minister for Utility and Telecommunication

What is the estimated time required to replace and upgrade all ageing pipelines and to upgrade existing water treatment plants and at the same time to build new ones in Sibu District?

174. YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Demi untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan dalam masa sama untuk meningkatkan taraf ekonomi pekebun kecil, adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan kepada jalan-jalan pertanian yang amat diperlukan?

175. YB ENCIK YAP YAU SIN (N.12 KOTA SENTOSA)

To ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development

What are the eligibility criteria and guidelines for Sarawakians when free tertiary education is implemented and what is the timeline for its implementation?

176. YB ENCIK JOHNNY PANG LEONG MING (N.68 TANJONG BATU)

To ask the Minister for Transport

What is the expected time frame for the Sarawak Government to launch our own Sarawak Airlines to be in operation?

177. YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

(i) Apakah status perlaksanaan projek Naik Taraf Loji Rawatan Air Julau yang baru?

(ii) Sementara itu, adakah terdapat penyelesaian bersifat sementara serta segera dari pihak kementerian bagi mengatasi masalah bekalan air yang sering kali terjejas ke kawasan Pekan Julau dan sekitar?

178. YB ENCIK FRIDAY ANAK BELIK (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menaikan kadar Elaun KMKK Negeri Sarawak daripada kadar sedia ada sejajar dengan bebanan tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka?

179. YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENGKILILI)

Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kawasan-kawasan Merebong Engkilili dan Entalon Skrang, Skrang Hilir dan Btg Air Hilir Engkilili adalah merupakan “Hot Spot” banjir. Apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

180. YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development

With the successful trail planting of China Hybrid Padi by a group of local farmers in Bintangor, does the ministry have any plans to give them necessary backings so that they can help to achieve food self-sufficiency for Sarawak?

181. YB DATO SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek bekalan air terawat ke kawasan luar bandar, khususnya di Sg. Mawang dan Sg. Kuap di Ulu Sg. Rusa, yang meliputi 8 buah rumah panjang dan 1 buah gereja yang masih belum menerima bekalan air terawat?

182. YB IR. CHRISTOPHER GIRA @ GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)

To ask Minister for Energy and Environmental Sustainability

What are the Energy Trilemmas & Sarawak solutions to these Trilemmas?

183. YB DATO IBRAHIM BIN BAKI (N.8 SATOK)

To ask the Minister for Infrastructure and Port Development

What are steps taken by the Government to address sick projects caused by supply chain disruptions of raw materials and rising project costs?

184. YB ENCIK ANYI ANAK JANA (N.49 NGEMAH)

Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Penduduk luar bandar dilihat agak terbeban dengan kos dan masa untuk urusan mengambil ubat sebulan sekali di Klinik Kesihatan atau Hospital yang terdekat. Adakah terdapat perancangan untuk memberi kelonggaran tempoh 3 bulan sekali bagi penduduk luar bandar untuk urusan mengambil ubat?

185. YB DATO SRI WONG SOON KOH (N.53 BAWANG ASSAN)

To ask Minister for Utility and Telecommunication

How much or what is the percentage of power being generated by floating solar installations at the water reservoirs?

186. YB DATO DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)

To ask Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development

Is there effort by the Government to assist rural small oil palm planters in the State in getting assistance from Malaysian Palm Oil Board(MPOB) in particular the requirement for planters to produce land tile in order to be eligible for assistance?

187. YB DR SIMON SINANG @ SINANG ANAK BADA (N.21 TEBEDU)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah status Pembinaan ICQS Tebedu?

4. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Kedua.

Supplementary Supply (2024) Bill, 2024

Timbalan Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban
(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

5. Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Bagi Tahun 2024 kepada Jawatankuasa Perbekalan.

Supplementary Supply (2024) Bill, 2024

Timbalan Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban
(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

6. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Ketiga.

Supplementary Supply (2024) Bill, 2024

Timbalan Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban
(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

7. Usul Untuk Melulus Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Bagi Tahun 2024.

Supplementary Supply (2024) Bill, 2024

Timbalan Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban
(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

8. Sambungan Perbahasan Atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 dan Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2025.

9. Penangguhan Mesyuarat.